



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1980
DR.35/1980

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Probet dan Pentadbiran 1959.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Probet dan Pentadbiran (Pindaan) 1980. Tajuk ringkas.
2. Seksyen 35 (1) (b) Akta Probet dan Pentadbiran 1959 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "ten" dengan perkataan "fifty". Pindaan bagi seksyen 35 (1) (b).
Akta 97.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 35 (1) (b) Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Pada masa sekarang tiada apa-apa sekuriti dikehendaki berkenaan dengan pentadbiran harta pesaka di mana nilai kasarnya tidak melebihi sepuluh ribu ringgit. *Fasal 2* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menaikkan amaun itu kepada lima puluh ribu ringgit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1017.]